



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS** : PENDIDIKAN MORAL  
**KOD KURSUS** : MPU2323  
**PEPERIKSAAN** : DISEMBER 2021  
**MASA** : 3 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: **BAHAGIAN A (20 Markah)**  
**BAHAGIAN B (60 Markah)**  
**BAHAGIAN C (20 Markah)**
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGNI 13 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Moral berasal daripada perkataan Latin iaitu “*moralis*”. Moral menurut Kamus Dewan Bahasa ialah
  - A amalan dan perbuatan yang hina.
  - B tatasusila dan peraturan yang salah.
  - C amalan dan kelakuan yang kurang sopan.
  - D ajaran atau pegangan berkenaan baik buruk sesuatu perbuatan.
2. Berikut merupakan pembahagian jenis kemoralan menurut “*Harry Bowne*” kecuali
  - A kemoralan peribadi.
  - B kemoralan mutlak.
  - C kemoralan kendiri.
  - D kemoralan sejagat.
3. “Menipu dalam perniagaan dengan tujuan untuk mendapat keuntungan lebih merupakan suatu kelakuan tidak bermoral yang diterima oleh semua manusia”. Apakah jenis kemoralan bagi amalan di atas berdasarkan jenis kemoralan yang dikategorikan oleh Harry Bowne?
  - A Kemoralan peribadi.
  - B Kemoralan mutlak.
  - C Kemoralan kendiri.
  - D Kemoralan sejagat.
4. Menurut Drs.H. Burhanudin Salam, etika didefinisikan sebagai
  - A kajian falsafah tentang moral, iaitu tentang kelakuan yang baik, sikap moral, keadilan sosial dan tanggungjawab moral dan ciri-ciri kehidupan yang baik.
  - B cabang falsafah yang membicarakan tentang nilai dan norma moral yang menentukan perilaku manusia dalam hidupnya.
  - C pandangan manusia dalam berperilaku menurut ukuran dan nilai yang baik.
  - D ilmu berkenaan prinsip-prinsip akhlak atau moral.

5. Menurut Ahmad Khamis (1999), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi amalan etika. Antara faktor tersebut adalah

- i- keturunan
- ii- persekitaran
- iii- adat dan kebiasaan
- iv- perbezaan sifat manusia

- A** i dan ii.
- B** i, ii dan iii.
- C** ii, iii dan iv.
- D** Semua diatas.

6. Akhlak berasal daripada kalimah bahasa Arab “*khuluk*”. Akhlak dari segi bahasa bermaksud

- A** adat.
- B** tabiat.
- C** norma.
- D** undang-undang.

- Apakah kita meletakkan kenderaan(parking) di petak yang betul?
- Mungkinkah saya parking di tempat lain?
- Mungkinkan kenderaaan saya menghalang kenderaan lain?

#### Pernyataan 1

7. Pernyataan 1 di atas merujuk kepada prinsip peraturan moral. Apakah prinsip peraturan moral yang sesuai merujuk kepada keadaan di atas?

- A** Prinsip Autonomi.
- B** Prinsip Altruisme.
- C** Prinsip Keadilan.
- D** Prinsip Kesamarataan.

8.

Seorang guru pelatih, telah menyempurnakan kerja kursus dengan baik tetapi markah yang diperolehnya rendah. Sekiranya guru ini mempunyai aliran pemikiran naturalis, dia hanya menerima keputusan itu seadanya dan tidak berusaha untuk mencari sebab mengapa dia mendapat markah yang rendah.

### Pernyataan 2

Berdasarkan pernyataan 2 di atas, individu berkenaan adalah seseorang yang mempunyai pemikiran

- A emotivis.
- B naturalis.
- C rasionalis.
- D instuitionis.

9. Ajaran Kristian adalah bersumberkan kepada kitab suci Bible yang mengandungi “Old Testament” dan “New Testament”. Kedua-dua lembaran ini menyentuh perkara yang berbeza dalam sistem nilai dan etika yang berkaitan dengan kehidupan. “Old Testament” menyentuh tentang nilai dan etika dan “New Testament” menyentuh tentang akhlak kehidupan sehari-hari. Manakah antara berikut bukan nilai-nilai kehidupan sehari-hari yang terkandung di dalam New Testament?

- A Jesus sebagai Tuhan.
- B *Be humble and gentle.*
- C Kebenaran tentang kesengsaraan.
- D Jauhi 7 perkara haram: *Houhtiness, lying, murdering, plotting, evil, eagerness, to do wrong, a false witness and sowing discord.*

10. Prinsip-prinsip Agama Islam adalah

- i. memelihara agama.
- ii. memelihara nyawa.
- iii. memelihara negara.
- iv. memelihara maruah dan keturunan.

A i dan ii.

B i, ii dan iii.

C i, iii dan iv.

D ii, iii dan iv.

11. Agama Hindu merupakan antara agama tertua di dunia. Agama Hindu juga disebut sebagai

A *Ahimsa* (Ikhlas).

B *Sathya* (Amanah).

C *Aparigraha* (Murah hati).

D *Santhana Dharma* (Kekal abadi).

12. Antara berikut yang manakah konsep yang merujuk kepada akhlak dan sifat yang harus dimiliki oleh masyarakat?

A *Yamas*.

B *Asteaya*.

C *Niyamas*.

D *Bramacharia*.

13. Buddhisme adalah agama budaya yang diasaskan di India oleh

A Lao Tze.

B Guru Nanak.

C Kung Fu Tze.

D Gautama Buddha.

14. Manakah antara yang berikut merupakan “**Empat Kebenaran Mulia**” yang ditekankan oleh ajaran Buddhisme?

- i Sathya
- ii Nirwana
- iii Trisha
- iv Dukkha

A i, ii dan iii.

B i, ii dan iv.

C ii, iii dan iv.

D i, ii, iii dan iv.

15. Menurut agama Buddhisme, untuk mencapai kepada “Empat Kebenaran Mulia”, seseorang penganut Buddha perlulah melepas satu tahap yang disebutkan sebagai “Jalan Mulia Lapan Lapis”. Manakah antara berikut merupakan tiga kelompok moral yang diketengahkan dalam “Jalan Mulia Lapan Lapis”?

A *Sila, Samadhi, Trisha.*

B *Sila, Samadhi, Dukkha.*

C *Sila, Samadhi, Nirwana.*

D *Sila, Samadhi, Panna.*

16. Agama Sikh menetapkan lima peraturan sebagai amalan hidup dan tanggungjawab setiap penganut agama Sikh. Manakah antara berikut padanan yang **salah**?

A *Kesh* - Rambut Panjang.

B *Kanga* - Memakai seluar putih.

C *Kirpan* - Memakai pedang pendek.

D *Kara* - Memakai gelang besi di tangan.

**17.** Ajaran Confucius membahaskan dua persoalan etika dan kehidupan iaitu Lima Kebaikan (*Five Virtues*) dan Lima Hubungan (*Cardinal Relations*). Antara berikut manakah yang terkandung di dalam Lima Kebaikan (*Five Virtues*)?

- i. *Li* (Propriety)
- ii. *Zhi* (Wisdom)
- iii. *Yi* (righteousness)
- iv. *Ren* (berperikemanusian)

**A** i, ii dan iii.

**B** i, ii dan iv.

**C** ii, iii dan iv.

**D** i, ii, iii dan iv.

**18.** Manakah antara yang berikut pernyataan yang benar tentang Prinsip Keadilan?

**A** Tindakan memusuhi dan mengabaikan orang lain.

**B** Tingkah laku atau pertimbangan moral yang melibatkan orang lain.

**C** Tindakan yang saksama dan menghormati orang lain apabila membuat keputusan.

**D** Sesuatu pertimbangan yang dilakukan secara bebas tanpa dipengaruhi oleh unsur luaran.

**19.** Peranan agen moral dalam proses sosialisasi memainkan peranan penting terhadap pembentukan moral individu, manakah antara berikut merupakan agen moral?

I. Keluarga

II. Masjid

III. Sekolah/institusi pendidikan

IV. Media massa

**A** i, ii dan iii.

**B** i, iii dan iv.

**C** ii, iii dan iv.

**D** i, ii, iii dan iv.

**20.** "Seorang kanak-kanak perempuan yang bernama Puspa telah dikurung di dalam bilik oleh ayahnya sejak berumur 20 bulan hingga 13 tahun. Puspa juga diikat pada satu kerusi dan tidak dapat menggerakkan badannya kecuali jari-jari dan tangannya sahaja. Keadaan di rumah Puspa sentiasa sunyi sepi menyebabkan Puspa tidak mendengar sebarang bunyi. Puspa sering dipukul oleh ayahnya jika dia membuat bising. Oleh itu, Puspa menjadi seorang yang memendam perasaan. Hal ini demikian kerana dia selalu terikat pada kerusi, tidak dapat berdiri tegak, berlari dan melompat. Kesan daripada perbuatan ayahnya, Puspa menjadi seorang yang pendiam, namun kadangkala menjadi terlalu agresif, memberontak dan ganas sehingga kadangkala sukar dikawal seolah-olah melepaskan segala kemarahan dan tekanan yang ditanggung selama ini".

Berdasarkan situasi di atas, Puspa dilihat sebagai seorang yang berkelakuan tidak normal seperti kanak-kanak lain yang seusia dengannya. Puspa juga dilihat tidak mempunyai nilai-nilai kemanusian semula jadi manusia iaitu kanak-kanak yang seusia dengannya seperti ceria dan suka bermain-main. Manakah antara berikut bukan faktor yang menyebabkan pembentukan moral dan diri Puspa yang merujuk kepada situasi di atas?

- A** Puspa tidak melalui proses sosialisasi yang betul.
- B** Puspa diberi didikan dan kasih sayang yang mencukupi.
- C** Puspa tidak diletakkan di dalam persekitaran masyarakat yang sempurna seperti kanak-kanak lain.
- D** Puspa tidak diberi peluang bergaul dan berinteraksi dalam masyarakat sehingga menyebabkan perkembangan mental, emosi, dan fizikalnya terganggu.

**[ 20 MARKAH ]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan.

Jawab **ENAM (6) sahaja**. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Berikan definisi berikut secara ringkas:

- i. Moral.
- ii. Etika.
- iii. Nilai.

(6 Markah)

b. Nyatakan **empat (4)** contoh perlakuan yang beretika bagi seseorang individu yang bekerja.

(4 Markah)

**SOALAN 2**

a. Berikan **satu (1)** contoh bagi setiap pernyataan berikut:

- i. Pernyataan normatif.
- ii. Pernyataan deskriptif.

(4 Markah)

b. Jelaskan secara ringkas jenis nilai berikut:

- i. Nilai Instrumental.
- ii. Nilai Instrinsik.
- iii. Nilai Objektif.

(6 Markah)

**SOALAN 3**

- a. Terangkan secara ringkas teori-teori etika di bawah:
- Teori Kemoralan Sosial.
  - Teori Keperibadian Mulia.

(4 Markah)

- b. Huraikan secara ringkas prinsip-prinsip asas dalam menentukan insan bermoral di bawah:
- Prinsip Autonomi.
  - Prinsip Keadilan.
  - Prinsip Altruisme.

(6 Markah)

**SOALAN 4**

- a. Huraikan secara ringkas **lima (5)** perbezaan antara moral, etika dan akhlak.

(10 Markah)

**SOALAN 5**

- a. Huraikan secara ringkas prinsip-prinsip asas pembentukan moral berikut
- Prinsip autonomi.
  - Prinsip Keadilan.
  - Prinsip Altruisme.

(6 Markah)

- a. Huraikan secara ringkas **dua (2)** jenis sosialisasi di bawah:
- Sosialisasi Premier.
  - Sosialisasi Sekunder.

(4 Markah)

**SOALAN 6**

- a. Nyatakan dan huraikan secara ringkas tentang unsur-unsur berikut yang boleh merosakkan proses sosialisasi atau perkembangan individu
  - i. Internet dan laman sosial
  - ii. Telefon bimbit
  - iii. Pengaruh rakan sebaya

(6 Markah)
  
- b. Berikan **dua (2)** orang contoh model insan moral di Malaysia dan **dua (2)** contoh model insan luar negara.

(4 Markah)

**SOALAN 7**

- a. Senaraikan **empat (4)** agen moral yang mempengaruhi sosialisasi seseorang individu.

(4 Markah)
  
- b. Senaraikan **enam (6)** agen moral daripada agensi tempatan dan antarabangsa.

(6 Markah)

**[ 60 MARKAH ]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SATU (1)** sahaja. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

Buli adalah perbuatan mendera dan mempermudah seseorang, yang kebiasaannya dilakukan terhadap individu yang lemah dan baru menyesuaikan diri. Perbuatan buli seperti menggertak, mencederakan serta menakutkan individu lemah secara mental dan fizikal biasanya dilakukan kepada orang yang baru berpindah ditempat itu.

Buli juga boleh dikatakan sebagai tindakan negatif, tidak bermoral dan merupakan salah satu jenayah popular dalam kalangan remaja belasan tahun. Biarpun ianya bukan isu baharu, namun sehingga kini penyelesaiannya masih belum mampu mengurangkan bilangan kes buli dan kecederaan juga kematian yang berlaku di Malaysia (Berita Harian, 2013). Oleh yang demikian, pihak yang berkenaan perlu memainkan peranan penting bagi menangani isu buli ini.

Berdasarkan pendapat anda, jelaskan punca dan jalan penyelesaian terbaik dalam menangani kes buli.

(20 markah)

**SOALAN 2**

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) merupakan sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang menguruskan hal-hal berkaitan membanteras penyalahgunaan dadah di Malaysia. AADK sebagai agensi peneraju dalam membanteras masalah dadah, sentiasa berusaha gigih dalam memberi perkhidmatan yang terbaik dari aspek rawatan dan pemulihan, pencegahan, penguatkuasaan dan pengawasan. AADK juga memainkan peranan dalam usaha kerajaan untuk merealisasikan matlamat Malaysia Bebas Dadah. Penyalahgunaan dan penagihan dadah menjadi salah satu masalah utama yang membawa impak negatif kepada kehidupan manusia di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Penyalahgunaan dadah yang semakin serius di Malaysia sejak tahun 1970-an telah mendorong kerajaan mengisytiharkan dadah sebagai “Musuh Nombor 1 Negara” sehingga ke hari ini. Berdasarkan pendapat anda, jelaskan lima punca dan lima jalan penyelesaian terbaik dalam menangani kes penyalahgunaan dadah ini.

(20 markah)

**[ 20 MARKAH ]****KERTAS SOALAN TAMAT**